



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
10 April 2020

1. Pada hari ini, Jumaat, 16 Syaaban 1441 bersamaan 10 April 2020, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai **1 kes baru** yang telah disahkan dijangkiti COVID-19 di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini ialah 136 orang**.
 - Kes 136 berumur 28 tahun adalah seorang warga tempatan yang menuntut di Indonesia. Beliau telah menaiki pesawat Penerbangan Malaysia MH0872 (tempat duduk 3A) ke Kuala Lumpur pada 7 April 2020 dan seterusnya pulang ke tanah air dengan menaiki pesawat Royal Brunei B1874 (tempat duduk 36D) pada 8 April 2020. Beliau tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
2. Sementara itu, sebanyak **7 lagi kes** yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 99 orang**.

3. Pada ketika ini, terdapat 36 kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan di mana 2 orang masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan manakala selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

4. Pada hari ini juga, jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 ialah sebanyak **2,308 orang** dan hanya **74 orang** sahaja yang masih menjalani kurantin. Sementara itu, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 357 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 9,342 ujian.

5. Kes baru pada hari ini membuktikan negara kita masih lagi berada di bawah ancaman wabak COVID-19 khususnya kemasukan virus dari luar negara dan kita perlu untuk terus berjaga-jaga dan tidak leka. Oleh dengan itu, Kementerian Kesihatan sekali lagi ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk terus menerus melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan. Terutama sekali sentiasa mengamalkan penjarakkan fizikal dan sosial (*physical and social distancing*) dengan mengelakkan dan menjauhi daripada beramai-ramai mengunjung ke gedung-gedung perniagaan, tamu-tamu, pasar-pasar, kedai-kedai runcit seperti yang disarankan. Ini adalah disamping mematuhi larangan perkumpulan ramai (*mass gathering*) dan melakukan amalan kebersihan diri dan persekitaran pada setiap masa.

6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 16 Syaaban 1441H / 10 April 2020